Arahan: *Jawab* **semua** *soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan* **satu** *soalan Bahagian D.*

BAHAGIAN A

(25 markah)

1 *Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat* **satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa** *tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Dalam kalangan peserta pertandingan pakaian beragam pada hari itu, Aminah ialah peserta yang paling tercantik.

_____

(ii) Menteri Besar telah menghadap tuanku sultan bagi mendapatkan persetujuan baginda tentang cadangan pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri yang baharu.

_____

(iii) Ibu menggunakan pencuci serbuk itu untuk menghilangkan kesan tompokan minyak yang melekat pada permukaan lantai dapur.

_____

(iv) Sikap saling menghormati antara satu sama lain kita patut amalkan kerana banyak mendatangkan faedah.

_____

(8 markah)

2 *Dalam petikan dialog di bawah, terdapat* **tiga kesalahan ejaan.** *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis** *ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan dialog itu semula.*

Juruhebah A : Selamat pagi dan salam sejahtera. Selamat datang ke pertandingan bowling peringkat kebangsaan kali ke-3.

Juruhebah B : Untuk maklumat para hadirin, jadual pertandingan boleh diambil di kaunter urusetia yang terletak bersebelahan dengan gerai jualan cenderamata.

Juruhebah A : Sementara menunggu pertandingan bermula, semua ketua kontinjen perlu mendapatkan kupon makanan di kaunter pendaftaran bersebelahan dengan kiosk jualan kad pra-bayar telefon bimbit.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(3 markah)

LIVEWORKSHEETS